

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status permohonan pemasangan pam air dan naik taraf pintu air di Sungai Junjung, yang sebelum ini sering menyebabkan banjir di kawasan Bukit Mertajam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi mengurangkan isu banjir di Lembangan Sg. Junjung, KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung Mati, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dalam RMKe-12.
2. Skop projek bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung Mati, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang ialah:
 - i. Kerja-Kerja Menaiktaraf Sungai;
 - ii. Kerja-Kerja Pembinaan Lintasan; dan
 - iii. Kerja-Kerja Pembinaan Rumah Pam.

Sekian, terima kasih.